INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES TECHNOLOGY AND CIVILIZATION
E-ISSN: 2600-8815
VOLUME 11, ISSUE 2, 2026, 126 - 133
DOI: https://doi.org/10.15282/ijhtc.v11i2.13054

RESEARCH ARTICLE

Analisis unsur psikologi Islam dalam Tafsir al-Jailani melalui integrasi Aplikasi *Quran for Android* sebagai medium pencarian ayat
(Analysis of Islamic psychological elements in Tafsir al-Jailani through the integration of the Quran Application for Android as a medium for verse retrieval tools)

Uwies Alqarni, A. R.[1]*, Siti Patonah, M.[1], Yakub@Zulkifli, M. Y.[1], and Abidin, M.S.Z.[2]

[1]Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
[2]Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak: Krisis kejiwaan menimbulkan pelbagai permasalahan dalam masyarakat. Ulama terdahulu telah mengemukakan kaedah berteraskan Islam untuk membantu manusia mencapai ketenangan jiwa, antaranya konsep tazkiyah al-nafs yang dibincangkan oleh Imam al-Ghazali. Berbeza daripada psikologi Barat, psikologi Islam mengintegrasikan aspek spiritual dan keimanan, khususnya dalam memahami kejiwaan individu Muslim. Kajian ini bertujuan meneroka unsur psikologi Islam berdasarkan pendekatan Imam al-Ghazali, iaitu taubat, sabar, takut dan harap, zuhud, syukur, ikhlas serta tawakal, melalui kupasan dalam Tafsir al-Jailani karya Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Sebagai ulama tasawuf, beliau menekankan aspek kerohanian dan kejiwaan dalam tafsirnya. Namun, pendekatan ini kurang diberi perhatian dalam kajian-kajian terdahulu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara tematik dengan bantuan aplikasi carian untuk mencari kata kunci dalam teks al-Quran. Aplikasi Quran for Android digunakan untuk mengenal pasti kalimah yang berkaitan dengan unsur psikologi Islam. Ayat-ayat yang dikenal pasti kemudian dicatat, dirujuk dalam Tafsir al-Jailani dan dianalisis. Dapatan kajian akan membincangkan pendekatan Syeikh Abdul Qadir al-Jailani dalam menghuraikan unsur-unsur tersebut. Kajian ini turut menunjukkan potensi aplikasi al-Quran sebagai alat bantu penyelidikan yang efisien untuk meneroka warisan keilmuan Islam, di samping membuka ruang integrasi antara tradisi keilmuan klasik dengan teknologi digital dalam kajian akademik kontemporari.

Abstract: *Psychological distress gives rise to a range of problems in society. Earlier Muslim scholars proposed Islamic approaches to attaining inner tranquillity, including the concept of tazkiyah al-nafs discussed by Imam al-Ghazali. Unlike Western psychology, Islamic psychology incorporates spirituality and faith, particularly in understanding the psychological experiences of Muslims. This study aims to explore elements of Islamic psychology—repentance, patience, fear and hope, detachment from worldly pursuits, gratitude, sincerity, and reliance on God—as articulated in Imam al-Ghazali's approach and examined through Tafsir al-Jailani by Shaykh Abd al-Qadir al-Jailani. As a Sufi scholar, al-Jailani emphasises spiritual and psychological dimensions in his exegesis; however, this approach has received limited attention in previous studies. The study employs a qualitative thematic approach supported by a search application to identify relevant keywords in the Qur'anic text. Quran for Android is used to locate terms associated with elements of Islamic psychology. The identified verses are then recorded, examined in Tafsir al-Jailani, and analysed thematically. The findings will discuss how Shaykh Abd al-Qadir al-Jailani interprets these elements. The study also highlights the potential of Qur'anic applications as efficient research tools for exploring the Islamic intellectual tradition and offers scope for integrating classical scholarship with digital technology in contemporary academic research.*

Article History
Received : 3 September 2025
Revised : 25 November 2025
Accepted : 24 August 2026
Published : 30 October 2026

Kata Kunci
Psikologi Islam
Tafsir al-Jailani
Taubat
Ikhlas
Tawakal
Aplikasi Quran
Teknologi digital

Keywords
Islamic psychology
Tafsir al-Jailani
Repentance
Sincerity
Reliance on god
Qur'anic application
Digital technology

1. Pengenalan

Krisis kejiwaan dan keruntuhan nilai rohani merupakan antara cabaran utama yang melanda masyarakat kontemporari. Statistik menunjukkan peningkatan kes gangguan emosi, keresahan dan tekanan mental dalam kalangan umat Islam (Sajidah dan Hussin, 2021), yang menandakan perlunya pendekatan alternatif selain daripada teori psikologi Barat semata-mata. Barat lazimnya menekankan aspek kognitif dan tingkah laku, manakala pendekatan Islam pula mengintegrasikan dimensi spiritual, akidah dan akhlak. Di sinilah terletaknya signifikannya psikologi Islam sebagai satu disiplin ilmu yang menawarkan rawatan jiwa berasaskan wahyu (Cucchi, 2022). Dalam khazanah keilmuan Islam, ulama terdahulu telah meletakkan asas penting bagi pembentukan jiwa yang seimbang melalui konsep tazkiyah al-nafs. Imam al-Ghazali misalnya, melalui karyanya *Minhaj al-'Abidin*, telah menggariskan beberapa unsur utama bagi pembinaan jiwa yang tenang, antaranya taubat, sabar, takut dan harap, zuhud, syukur, ikhlas dan tawakal. Unsur-unsur ini bukan sahaja bersifat spiritual, bahkan mempunyai implikasi langsung terhadap kesihatan psikologi dan kesejahteraan emosi seorang Muslim (Al-Ghazali, 2021). Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (wafat 1166), seorang tokoh besar dalam dunia tasawuf, turut memberi sumbangan signifikan dalam memahami dimensi psikologi Islam melalui karya tafsirnya, Tafsir al-Jailani.

*CORRESPONDING AUTHOR | Uwies Alqarni Abdul Rahman | ✉ wank947@yahoo.com
© 2026 The Authors. Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Press. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Tafsir ini dikategorikan sebagai tafsir isyari, iaitu penafsiran yang menekankan makna rohaniah dan batiniah ayat-ayat al-Quran. Namun, karya ini masih kurang diberikan perhatian dalam kajian kontemporari berbanding tafsir klasik lain yang lebih masyhur. Justeru, usaha meneliti unsur-unsur psikologi Islam dalam tafsir ini merupakan langkah penting dalam menghidupkan kembali warisan keilmuan sufistik yang relevan dengan cabaran moden.

Kajian ini meneliti bagaimana Syeikh Abdul Qadir al-Jailani mengupas unsur-unsur psikologi Islam berkenaan dalam tafsir beliau, seterusnya membandingkannya dengan gagasan Imam al-Ghazali (wafat 1111). Analisis ini dijalankan secara kualitatif dengan pendekatan kepustakaan serta memanfaatkan teknologi digital seperti aplikasi *Quran for Android* untuk mengesan ayat-ayat berkaitan tema psikologi. Pendekatan ini bukan sahaja memperlihatkan keutuhan warisan klasik, bahkan membuktikan bahawa integrasi tradisi klasik dengan teknologi digital mampu memperkaya metodologi penyelidikan kontemporari.Objektif pertama penulisan ini adalah bagi mengkaji Tafsir al-Jailani sebagai sumber rujukan dalam bidang psikologi Islam. Objektif kedua pula adalah bagi melihat manfaat dari teknologi digital yang boleh digunakan bagi membantu pencarian ayat bagi kajian ini. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat menyediakan alternatif terhadap dominasi teori psikologi barat di dunia ilmu. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka ruang kepada pengukuhan disiplin psikologi Islam secara akademik, serta memberi manfaat praktikal kepada masyarakat Muslim dalam usaha membina kesejahteraan jiwa dan kerohanian.

2. Sorotan Literatur

Kajian terhadap Tafsir al-Jailani karya Syeikh Abdul Qadir al-Jailani masih relatif terhad jika dibandingkan dengan tafsir klasik lain. Perbahasan ilmiah yang ada lebih tertumpu kepada isu ketulenan teks dan pendekatan isyari sufi yang terkandung di dalamnya. Masduqi (2012) menyoal aspek keaslian tafsir ini, namun menyimpulkan bahawa karya tersebut besar kemungkinan asli dan memang ditulis oleh Syeikh Abdul Qadir al-Jailani antara tahun 521H–561H. Maedi (2018) pula meneliti konsep roh dalam Tafsir al-Jailani dan mendapati penafsiran beliau lebih luas dan mendalam berbanding mufassir lain. Sementara itu, sarjana Barat seperti Lings (1993) dan Kabbani (2016) menganggap tafsir ini sebagai khazanah kerohanian yang bernilai tinggi, sesuai untuk membentuk pemahaman rohani yang mendalam terhadap al-Quran.

Dalam konteks psikologi Islam, beberapa kajian mutakhir telah menyoroti tema-tema kejiwaan dalam tafsir al-Quran. Tsani dan Agniya (2024) menekankan peranan zikir dan solat dalam mengurangkan tekanan emosi menurut Tafsir al-Azhar. Fadhilah (2023) meneliti psikologi wanita berasaskan kisah Maryam, Zakaria dan Yaakub, manakala Nafisah (2023) mengkaji konsep pemulihan dalaman melalui pendekatan psikologi dalam al-Quran. Hakim (2021) pula mengaitkan perasaan kurang percaya diri dengan konsep takut dan sedih dalam al-Quran, menunjukkan bahawa istilah moden psikologi mempunyai padanan dalam nas wahyu. Kajian kuantitatif oleh Pratama dan Rizaldi (2024) mengaitkan isu berlebihan dalam berfikir generasi muda dengan bimbingan ayat-ayat al-Quran yang meneguhkan harga diri manusia. Dari sudut tasawuf dan psikologi Islam klasik, Imam al-Ghazali melalui *Minhaj al-'Abidin* telah merumuskan lapan unsur penting bagi pembinaan jiwa: taubat, sabar, takut dan harap, zuhud, syukur, ikhlas, dan tawakal. Unsur-unsur inilah yang menjadi kerangka penting dalam kajian ini, untuk dibandingkan dengan tafsiran Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Sumbangan beliau amat signifikan kerana pendekatan isyari dalam tafsirnya menekankan penyucian jiwa dan pembentukan rohani, yang selari dengan gagasan psikologi Islam.

Walaupun banyak kajian terdahulu menyoroti aspek tafsir sufi dan tema psikologi Islam secara umum, didapati masih terdapat jurang dari segi analisis sistematik unsur psikologi Islam dalam Tafsir al-Jailani. Sebahagian besar penelitian lebih bersifat pengenalan atau kajian tematik tertentu sahaja, tanpa menghubungkan tafsir ini dengan kerangka psikologi Islam yang digariskan oleh ulama besar seperti Imam al-Ghazali. Meneliti kepada dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2024 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa 4.6% orang dewasa mengalami simptom kemurungan, manakala 16.5% kanak-kanak dan remaja berumur 5 hingga 15 tahun mengalami masalah kesihatan mental (2024). Justeru, sorotan ini memperlihatkan keperluan mendesak untuk meneroka secara khusus bagaimana Syeikh Abdul Qadir al-Jailani menafsirkan ayat-ayat berkaitan jiwa, serta sejauh mana ia boleh dibandingkan dengan teori psikologi Islam klasik. Kesimpulannya, sorotan kajian ini menegaskan bahawa Tafsir al-Jailani masih menyimpan khazanah yang belum banyak digali, khususnya dari perspektif psikologi Islam. Kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti lapan unsur psikologi Islam dalam tafsir berkenaan, seterusnya memperlihatkan relevansinya dalam membentuk kesejahteraan rohani dan mental umat Islam masa kini.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis terhadap teks klasik. Fokus utama kajian perpustakaan ini adalah mengkaji unsur-unsur psikologi Islam dalam Tafsir al-Jailani karya Syeikh Abdul Qadir al-Jailani dan membandingkannya dengan kerangka psikologi Islam yang digariskan oleh Imam al-Ghazali dalam *Minhaj al-'Abidin*. Pendekatan ini dipilih kerana kedua-dua karya merupakan sumber klasik yang memerlukan penelitian mendalam secara tematik dan interpretatif (Lebar, 2007).

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat analisis kandungan teks dengan menekankan kepada kaedah induktif, deduktif, dan perbandingan. Kaedah induktif digunakan untuk mengenal pasti tema-tema psikologi Islam daripada tafsiran Syeikh Abdul Qadir al-Jailani secara khusus, sebelum disimpulkan secara umum. Kaedah deduktif pula diaplikasikan bagi menguji keselarasan teori psikologi Islam klasik dengan tafsiran ayat al-Quran yang dipilih. Sementara itu, kaedah komparatif digunakan untuk membandingkan pandangan al-Jailani dengan al-Ghazali bagi mendapatkan triangulasi pemahaman (Konting, 1990).

3.2 Sumber Data
Data primer kajian ini ialah Tafsir al-Jailani yang diperoleh daripada naskhah cetakan Maktabah Makrufiah (Pakistan) dan edisi terjemahan oleh Markaz al-Jailani Centre. Data sekunder pula meliputi kitab-kitab klasik lain karya al-Jailani seperti *Futuh al-Ghaib* dan *Sirr al-Asrar*, karya Imam al-Ghazali seperti *Minhaj al-'Abidin*, serta penulisan akademik kontemporari berkaitan psikologi Islam dan tafsir sufi.

3.3 Teknik Pengumpulan Data
Proses pengumpulan data dilakukan dengan kaedah perpustakaan. Ayat-ayat al-Quran yang mengandungi tema psikologi Islam dikenal pasti melalui aplikasi *Quran for Android* (3.7.3), yang terdapat di aplikasi mudah alih Google Play Store, Google dot com. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma menggunakan telefon pintar dan komputer. Kata kunci seperti taubat, sabar, takut dan harap, zuhud, syukur, ikhlas, dan tawakal digunakan bagi mengenal pasti ayat-ayat berkaitan melalui aplikasi carian. Setelah itu, pengkaji akan mencari ayat tersebut di dalam Kitaf Tasir al-Jailani. Tafsiran Syeikh Abdul Qadir al-Jailani terhadap ayat-ayat tersebut dianalisis dan dicatat.

3.4 Teknik Analisis Data
Analisis data dilaksanakan melalui tiga tahap. Pertama, mengenal pasti unsur psikologi Islam dalam karya Imam al-Ghazali sebagai kerangka asas. Kedua, meneliti tafsiran Syeikh Abdul Qadir al-Jailani berdasarkan unsur tersebut. Ketiga, membuat analisis perbandingan diantara teori yang dikemukakan oleh al-Jailani dengan al-Ghazali. Gabungan induktif, deduktif, dan komparatif ini diharapkan dapat menghasilkan gambaran yang menyeluruh terhadap metodologi penafsiran al-Jailani dalam konteks psikologi Islam (Lebar, 2007).

3.5 Justifikasi Metodologi
Metodologi ini dipilih kerana teks klasik mempunyai gaya bahasa yang kompleks, sarat dengan simbolisme sufistik dan memerlukan penafsiran mendalam. Penggunaan aplikasi digital membantu mempercepatkan pencarian tema, manakala triangulasi melalui karya klasik dan kontemporari memastikan dapatan lebih sahih dan berautoriti. Kajian ini bukan sahaja berasaskan pemahaman literal terhadap teks, tetapi juga menekankan aspek kerohanian, sesuai dengan sifat tafsir isyari yang digarap oleh Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Secara keseluruhannya, metodologi ini membolehkan kajian dilaksanakan secara sistematik, berlandaskan teks klasik dan disokong oleh rujukan akademik moden, seterusnya memberikan analisis yang lebih komprehensif dalam bidang psikologi Islam.

4. Dapatan Kajian
Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berhubung tujuh unsur utama tasawuf yang dianalisis daripada pemikiran Imam al-Ghazali. Seterusnya bilangan kalimat Al-Quran yang sesuai bagi unsur tersebut, dengan menggunakan kata kunci tertentu. Dapatan ini menunjukkan bagaimana konsep-konsep kerohanian seperti taubat, sabar, takut dan harap, zuhud, syukur, ikhlas dan tawakal berfungsi sebagai mekanisme psikologi Islam dalam membina keseimbangan jiwa dan ketenangan rohani. Setiap unsur dipadukan dengan sandaran ayat al-Qur'an. Seterusnya didatangkan huraian dari Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani pula terhadap ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi unsur tersebut.

4.1 Taubat
Firman *Allah SWT* dalam Surah At-Tahrim ayat 8: Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubat nasuha (Qur'an, 66:8). Huraian Imam al-Ghazali dalam Taubat: Menurut Imam al-Ghazali, taubat merupakan asas bagi segala maqam kerohanian. Ia melibatkan penyesalan mendalam, penghentian maksiat serta tekad untuk tidak kembali melakukannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taubat menjadi proses psikologi yang membersihkan jiwa daripada rasa bersalah dan membina motivasi rohani untuk istiqamah dalam kebaikan. Dengan bimbingan zikrullah dan amal soleh, taubat bukan hanya tindakan individual tetapi jalan untuk kestabilan spiritual jangka panjang (Al-Ghazali, 2021). Huraian Syeikh Abdul Qadir dalam Surah At-Tahrim ayat: Dengan Tauhid yang benar pada kepercayaan kamu. Sucikan hatimu dari sebarang maksiat dan dosa yang akan menafikan keesaan zat Allah. Dan, tiada jalan mudah kecuali dengan jalan taubat dan kembali kepada jalan penyesalan dan ikhlas (*Al-Jailani*, 2013).

4.2 Sabar
Firman Allah SWT dalam Surah As-Sajdah ayat 24: Dan Kami telah menjadikan mereka sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami, ketika mereka bersifat sabar. (Qur'an, 32:24). Huraian Imam al-Ghazali dalam Sabar: Imam al-Ghazali menekankan sabar sebagai kekuatan dalaman yang menahan diri dalam ketaatan, menjauhi maksiat, dan menghadapi ujian hidup. Dapatan kajian mendapati bahawa sabar adalah mekanisme psikologi yang melatih jiwa mengawal nafsu, mengekalkan ketenangan dan meningkatkan daya tahan rohani. Analogi pokok (akar, ranting, buah) menggambarkan bahawa sabar adalah hasil daripada ilmu, latihan hati, dan amalan konsisten (Al-Ghazali, 2021).

Huraian Syeikh Abdul Qadir dalam Surah As-Sajdah ayat 24: Kami jadikan dari kalangan mereka pemimpin, yang akan memberikan petunjuk kepada manusia dengan arahan dari kami (Allah), melalui wahyu-Nya. Kami (Allah) memberikan Ilham berkenaan agama dan keesaan kami (Allah). Kami memberikan kepada mereka dari pemberian. kami berupa kelebihan-kelebihan, bila mana mereka bersabar (*Al-Jailani*, 2013).

Iaitu ketika mana mereka tetapkan jiwa mereka bagi menanggung ketinggian kalimah yang benar. Dan melaksanakan tuntutan agama dari keadaan yang memenatkan serta berat yang membawa kepada terkorbannya jiwa dan berhadapan pelbagai musibah. Dan dalam mereka itu ada ayat-ayat yang kami (Allah) turunkan kepada mereka. Menunjukkan kepada

Qudrah kami yang sempurna, yang akan terjadi kepada apa sahaja yang kami kehendaki. Mereka itu yakin dan tidak ragu serta tidak berpaling. Maka kamu wahai Rasul yang paling sempurna (Nabi Muhammad SAW), lebih utama dan berhak dari mereka untuk yakin dan tunduk dengan ayat-ayat kami.

Jadual 1

Jumlah kalimah dalam Al-Quran dengan menggunakan kata kunci dari unsur psikologi Islam

Bil	Unsur	Jumlah kalimah dalam Al-Quran berdasar Aplikasi *Quran for Android* (2023)	Contoh koordinat ayat di dalam Al-Quran
1.	Taubat	7 kalimah (Kata kunci توبة)	1. Surah Ali Imran ayat 90 2. Surah an-Nisa ayat 17 3. Surah at-Tahrim ayat 8
2.	Sabar	69 kalimah (Kata kunci صبر)	1. Surah al-Baqarah ayat 45 2. Surah Ali Imran ayat 120 3. Surah as-sajadah ayat 24
3.	Takut	3 kalimah (Kata kunci خائف)	1. Surah al-Baqarah ayat 114 2. Surah al-Qasas ayat 18 3. Surah al-Anbiya' ayat 90
4.	Harap	12 kalimah (Kata kunci يرجون)	1. Surah al-Baqarah ayat 218 2. Surah al-Isra ayat 57 3. Surah Fatir ayat 29
5.	Zuhud	1 kalimah (Kata kunci زاهد)	1. Surah al-Hadid ayat 20
6.	Syukur	43 kalimah (Kata kunci شكر)	1. Surah Ali Imran ayat 144 2. Surah Ali Imran ayat 145 3. Surah Ibrahim ayat 7
7.	Ikhlas	20 kalimah (Kata kunci مخلص)	1. Surah al-Baqarah ayat 139 2. Surah al-A'raf ayat 29 3. Surah al-Bayyinah ayat 5
8.	Tawakal	38 kalimah (Kata kunci توكل)	1. Surah Ali Imran ayat 159 2. Surah an-Nisa ayat 81 3. Surah at-Talaq ayat 3

4.3 Takut dan Harap

Firman *Allah SWT* dalam Surah Al-Anbiya' ayat 90: Sesungguhnya mereka selalu bersegera dalam kebaikan dan berdoa kepada Kami dengan penuh harap dan takut (Qur'an, 21:90). Huraian Imam al-Ghazali dalam takut dan harap: Takut dan harap menurut Imam al-Ghazali adalah dua sayap bagi perjalanan rohani. Rasa takut menjaga individu daripada maksiat manakala harapan menjadi pendorong untuk beramal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseimbangan khauf dan raja' penting untuk mengelakkan keputusasaan atau rasa aman yang palsu. Gabungan kedua-duanya mewujudkan kestabilan emosi dan motivasi spiritual yang berterusan (Al-Ghazali, 2021). Huraian Syeikh Abdul Qadir dalam Surah Al-Anbiya' ayat 90: Mereka bermunajat kepada kami (Allah) ketika bersendirian dengan penuh takut dan harap. Harap kepada kami (Allah), harapkan keampunan kami. Juga takut kepada kami, kekuasaan kami, kekerasaan kami dan kemarahan kami (*Al-Jailani*, 2013).

4.4 Zuhud

Firman *Allah SWT* dalam Surah Al-Hadid ayat 20: Ketahuilah bahawa kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan senda gurau. (Qur'an, 57:20). Huraian Imam al-Ghazali dalam Zuhud: Imam al-Ghazali menegaskan bahawa zuhud bukanlah penolakan mutlak terhadap dunia, sebaliknya meninggalkan keterikatan hati terhadapnya. Dapatan kajian mendapati bahawa zuhud membimbing jiwa untuk memanfaatkan dunia sebagai alat menuju akhirat. Kisah Mus'ab bin Umair menjadi contoh praktikal bagaimana seseorang meninggalkan kemewahan demi mengejar keredaan Allah. Ini menunjukkan bahawa zuhud adalah strategi kerohanian untuk mengawal nafsu dan mengutamakan nilai ukhrawi (Al-Ghazali, 2021).

Huraian Syeikh Abdul Qadir dalam Surah Al-Hadid ayat 20: Ketahuilah wahai orang yang mukallaf serta yang mengambil pengajaran. Sesungguhnya kehidupan duniawi yang dipinjamkan ini, baik berupa penghasilannya dan kemegahannya. Semua hanyalah mainan yang diperhiaskan padanya. Yang bermain akannya hanyalah orang yang lalai dan terhijab. Dan kamu akan penatkan dirimu dengannya, sedangkan ianya tiada manafaat. Kehidupan duniawi juga ialah hiburan, yang akan menjauhkan kamu dari perkara yang penting dan memisahkan kamu dari kehidupan yang azali lagi abadi. Dan kehidupan duniawi juga adalah hiasan, yang dihiaskan oleh syaitan dengan cita-cita terhadap makanan yang lazat, pakaian yang gemerlapan, kenikmatan yang belum tentu dan syahwat kebinatangan (*Al-Jailani*, 2013).

4.5 Syukur

Firman *Allah SWT* dalam Surah Ibrahim ayat 7: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Aku akan menambahkan nikmat kepadamu (Qur'an, 14:7). Huraian Imam al-Ghazali dalam Syukur: Imam al-Ghazali membahagikan syukur kepada tiga dimensi: hati, lisan dan amal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa syukur merupakan pengiktirafan nikmat

melalui kesedaran dalaman, ucapan pujian, dan penggunaan nikmat pada jalan ketaatan. Analisis ini memperlihatkan bahawa syukur bukan sekadar emosi, tetapi mekanisme psikologi Islam yang meningkatkan motivasi spiritual, menguatkan iman dan mencegah keruntuhan moral akibat kufur nikmat (Al-Ghazali, 2021). Huraian Syeikh Abdul Qadir dalam Surah Ibrahim ayat 7: Sekiranya kamu bersyukur di atas apa yang dikurniakan kepada kamu dari nikmat, kemuliaan. Serta kamu tunaikan haknya. Maka kami akan tambahkan seumpamanya lagi dan tambahkan lebih dari itu (*Al-Jailani*, 2013).

4.6 Ikhlas

Firman *Allah SWT* dalam Surah Al-Bayyinah ayat 5: Padahal mereka tidak diperintahkan kecuali untuk menyembah Allah dengan ikhlas. (Qur'an, 98:5). Huraian Imam al-Ghazali dalam Ikhlas: Ikhlas menurut Imam al-Ghazali adalah asas bagi diterimanya amal. Amal yang tidak ikhlas hanya menghasilkan riya' dan sum'ah yang merosakkan jiwa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ikhlas berfungsi sebagai penstabil jiwa, membersihkan niat dan menjadikan ibadah sebagai pengalaman transformasi rohani. Konsep ini juga berfungsi sebagai asas psikologi Islami yang memurnikan motivasi dalaman (Al-Ghazali, 2021). Huraian Syeikh Abdul Qadir dalam Surah Al-Bayyinah ayat 5: Dan tidaklah mereka (Yahudi dan Nssrani) telah diperintahkan (dalam kitab mereka), kecuali bagi menyembah Allah yang Maha Esa, yang menjadi tempat bergantung secara mutlak, sesuai dengan hak ketuhanan. Menyembah dengan penuh keikhlasan (*Al-Jailani*, 2013).

4.7 Tawakal

Firman *Allah SWT* dalam Surah At-Talaq ayat 3: Barang siapa bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan keperluannya (Qur'an, 65:3). Huraian Imam al-Ghazali dalam Tawakal: Imam al-Ghazali menekankan bahawa tawakal bukanlah meninggalkan usaha, tetapi bersandar sepenuhnya kepada Allah setelah melakukan ikhtiar. Dapatan kajian mendapati bahawa tawakal berfungsi sebagai mekanisme psikologi yang mengurangkan kebimbangan, membina keyakinan diri, dan meningkatkan daya tahan rohani. Tawakal menjadikan individu lebih tenang menghadapi cabaran kerana yakin akan ketentuan Allah (Al-Ghazali, 2021). Huraian Syeikh Abdul Qadir dalam Surah At-Talaq ayat 3: Dan barang siapa yang ber*Tawakal* kepada Allah secara putus, menyerahkan urusannya kepada Allah, maka itu sudah cukup. Allah mencukupkannya dengan seluruh bekalan yang diperlukan bagi hidup di dunia dan akhirat (*Al-Jailani*, 2013).

4.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa tujuh unsur utama yang digariskan oleh Imam al-Ghazali tetap menjadi kerangka asas dalam memahami tasawuf sebagai mekanisme psikologi Islam. Namun, apabila diteliti melalui kaca mata Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, penekanan diberikan kepada dimensi tauhid yang murni, penyucian hati daripada dosa serta kebergantungan sepenuhnya kepada Allah. Huraian beliau menambahkan ketajaman rohani terhadap setiap unsur: taubat menjadi pintu utama penyucian diri, sabar menjelma sebagai kekuatan yang menegakkan kalimah Allah meskipun menuntut pengorbanan jiwa, khauf dan raja' ditafsirkan sebagai landasan munajat yang penuh rendah diri, manakala zuhud diperingatkan sebagai penolakan terhadap tipuan dunia yang memperdaya hati. Syukur pula menjadi jalan penambahan nikmat, ikhlas dilihat sebagai asas ibadah yang benar, dan tawakal difahami sebagai penyerahan mutlak yang mencukupkan hamba di dunia serta akhirat. Dengan demikian, tafsiran Syeikh Abdul Qadir bukan sahaja melengkapi tetapi juga menajamkan dimensi psikologi yang telah diletakkan oleh Imam al-Ghazali. Gabungan dua tokoh besar ini menegaskan bahawa tasawuf bukan sekadar pendekatan kerohanian, tetapi juga suatu sistem psikologi Islami yang membentuk kekuatan dalaman, keseimbangan emosi, dan orientasi abadi terhadap Allah SWT.

5. Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dengan memberi perhatian kepada peranan Syeikh Abdul Qadir al-Jailani dalam menghuraikan unsur tasawuf, serta hubungannya dengan pemikiran Imam al-Ghazali. Perbandingan ini menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh memiliki asas yang kuat dalam memahami psikologi Islam, namun pendekatan Syeikh Abdul Qadir kelihatan lebih menonjol kerana beliau bukan sekadar mengemukakan teori, tetapi turut menekankan aspek amali yang berkait rapat dengan pembentukan jiwa dan akhlak.

5.1 Taubat sebagai Asas Penyucian Diri

Syeikh Abdul Qadir menegaskan bahawa jalan kembali kepada Allah tidak dapat dipisahkan daripada taubat yang sebenar. Menurut beliau, taubat yang tulus lahir daripada keyakinan tauhid yang mantap dan usaha membersihkan hati daripada dosa serta maksiat. Di sini, taubat bukan hanya reaksi terhadap kesalahan, tetapi menjadi langkah utama untuk memperbaharui hubungan seorang hamba dengan Tuhannya (*Al-Jailani*, 2013). Imam al-Ghazali pula banyak menumpukan kepada aspek penyesalan, meninggalkan dosa dan berazam untuk tidak mengulanginya. Kedua-dua pandangan ini saling mengisi. Al-Ghazali menyediakan susunan psikologi taubat, manakala Syeikh Abdul Qadir menambah sudut kerohanian yang lebih bersifat praktik dan tarbawi (Al-Ghazali, 2021).

5.2 Sabar sebagai Tunjang Kepimpinan Rohani

Bagi Syeikh Abdul Qadir, kesabaran adalah sifat yang menjadikan seseorang layak memimpin agama. Beliau menghuraikan sabar sebagai kekuatan jiwa untuk bertahan dalam perjuangan menegakkan kebenaran, walaupun berdepan kesulitan dan pengorbanan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sifat sabar bukan hanya berkisar dalam diri seseorang, tetapi juga menyumbang kepada kekuatan masyarakat dan umat (*Al-Jailani*, 2013). Imam al-Ghazali turut menganggap

sabar sebagai kekuatan batin yang menahan nafsu dan menjaga kestabilan emosi, namun penjelasan beliau lebih bersifat individu. Perbandingan ini memperlihatkan bahawa perbincangan Syeikh Abdul Qadir lebih luas kesannya kerana ia mengaitkan sabar dengan tanggungjawab memimpin dan berjuang di jalan Allah (Al-Ghazali, 2021).

5.3 Takut dan Harap Sebagai Keseimbangan dalam Doa

Syeikh Abdul Qadir menekankan pentingnya berdoa dengan perasaan takut dan harap kepada Allah. Takut hadir daripada rasa kerdil sebagai hamba, sementara harap membawa harapan terhadap keampunan dan rahmat Allah. Ia menjadikan munajat sebagai pengalaman rohani yang hidup dan berhubung langsung dengan Tuhan (*Al-Jailani*, 2013). Imam al-Ghazali pula mengumpamakan takut dan harap kepada Allah sebagai dua sayap yang menyeimbangkan perjalanan spiritual. Tanpa salah satu daripadanya, perjalanan jiwa tidak stabil. Perbezaannya ialah huraian Imam al-Ghazali lebih menampakkan sisi teori, sedangkan Syeikh Abdul Qadir memberi contoh nyata bagaimana seorang hamba menghayati dua perasaan ini dalam ibadah (Al-Ghazali, 2021).

5.4 Zuhud sebagai Benteng daripada Cinta Dunia

Menurut Syeikh Abdul Qadir, dunia hanya sementara dan sering memperdaya manusia melalui syahwat dan angan-angan kosong. Zuhud bagi beliau bermakna tidak tenggelam dengan godaan dunia yang fana. Nada beliau tegas, seolah-olah memberi peringatan agar hati tidak terlalu lekat pada kesenangan material (*Al-Jailani*, 2013). Imam al-Ghazali pula mengambil pendekatan lebih sederhana. Baginya, zuhud bukan bermaksud menolak dunia sepenuhnya, tetapi mengawal hati agar tidak diperhambakan olehnya. Perspektif ini lebih seimbang, tetapi nada keras Syeikh Abdul Qadir memberi penekanan yang jelas tentang bahaya materialisme, terutamanya dalam konteks manusia moden (Al-Ghazali, 2021).

5.5 Syukur sebagai Sumber Pertambahan Nikmat

Syeikh Abdul Qadir menyatakan bahawa syukur bukan setakat ucapan, tetapi terbukti melalui amal dan penggunaan nikmat pada tempatnya. Apabila seseorang benar-benar bersyukur, Allah akan melapangkan rezeki dan menambah nikmat kepadanya (*Al-Jailani*, 2013). Imam al-Ghazali pula membahagikan syukur kepada tiga peringkat iaitu hati, lisan dan perbuatan. Struktur pemikirannya lebih tersusun, namun pandangan Syeikh Abdul Qadir menonjol dari sudut penghayatan dan natijahnya. Ini menjadikan syukur bukan hanya nilai dalaman, tetapi juga sebab turunnya keberkatan hidup (Al-Ghazali, 2021).

5.6 Ikhlas sebagai Inti Tauhid

Syeikh Abdul Qadir menegaskan bahawa amal ibadah tanpa ikhlas tidak memberi nilai di sisi Allah. Baginya, ikhlas adalah asas kepada tauhid yang sebenar kerana ia mengaitkan tujuan hidup dan ibadah semata-mata kepada Allah (*Al-Jailani*, 2013). Imam al-Ghazali juga membincangkan ikhlas dan memberi amaran tentang bahaya riya' serta sum'ah. Namun, beliau lebih banyak menyorot sisi psikologi hati. Kedudukan ikhlas dalam perbincangan ini lebih tinggi menurut perspektif Syeikh Abdul Qadir, kerana beliau mengaitkannya langsung dengan akidah dan tujuan hidup beragama (Al-Ghazali, 2021).

5.7 Tawakal sebagai Jaminan Kecukupan

Syeikh Abdul Qadir menyatakan bahawa seseorang yang bertawakal sepenuhnya kepada Allah akan dikurniakan kecukupan dalam hidupnya. Tawakal mengurangkan keresahan dan pergantungan kepada selain Allah (*Al-Jailani*, 2022). Pandangan Imam al-Ghazali pula lebih seimbang. Beliau menegaskan bahawa tawakal tidak menafikan usaha, sebaliknya usaha perlu berjalan bersama penyerahan diri kepada Allah. Perbandingan ini menunjukkan bahawa kedua-duanya sepakat, namun Syeikh Abdul Qadir memberi keyakinan lebih kuat pada jaminan rezeki dan kecukupan apabila tawakal diamalkan secara sepenuhnya (Al-Ghazali, 2021).

5.8 Rumusan Perbincangan

Berdasarkan perbincangan keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa penekanan unsur psikologi Islam dalam Tafsir al-Jailani banyak dipacu oleh pendekatan Syeikh Abdul Qadir al-Jailani yang bersifat tarbawi dan praktikal. Tujuh elemen utama iaitu taubat, sabar, takut dan harap, zuhud, syukur, ikhlas dan tawakal memperlihatkan pembentukan jiwa yang berpaksikan tauhid serta pengukuhan tingkah laku rohani secara langsung. Dalam masa yang sama, perbandingan dengan pemikiran Imam al-Ghazali membantu memberi gambaran teori dan struktur psikologi yang lebih teratur, lalu memperkukuh kefahaman terhadap perkembangan aspek dalaman diri manusia.

Integrasi aplikasi *Quran for Android* sebagai medium pencarian ayat pula menjadikan analisis ini lebih berfokus dan sistematik. Penggunaan aplikasi tersebut memudahkan peneliti mengesan ayat-ayat berkaitan konsep psikologi Islam dalam Tafsir al-Jailani, seterusnya membuktikan bahawa teknologi mampu menyokong proses pengkajian klasik secara lebih efisien. Oleh itu, kedua-dua sumber iaitu Tafsir al-Jailani sebagai rujukan kerohanian dan aplikasi al-Quran sebagai alat bantuan digital telah melengkapkan satu bentuk analisis yang lebih relevan dalam konteks pembelajaran moden. Hasilnya, kajian ini menunjukkan bahawa tasawuf bukan sekadar disiplin kerohanian, tetapi juga satu model psikologi yang membina ketahanan emosi, keseimbangan spiritual dan kekuatan diri untuk menghadapi cabaran kehidupan semasa. Integrasi klasik dan teknologi membuktikan bahawa pemikiran ulama silam tetap signifikan apabila dipadukan dengan kemudahan digital masa kini.

6. Kesimpulan

Kajian ini meneliti tujuh unsur psikologi Islam iaitu taubat, sabar, takut dan harap, zuhud, syukur, ikhlas dan tawakal berdasarkan Tafsir al-Jailani karya Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Unsur-unsur ini disusun mengikut kerangka yang diperkenalkan oleh Imam al-Ghazali, sebelum ayat-ayat berkaitan dikenal pasti melalui pencarian kata kunci menggunakan *Quran for Android* dan dianalisis melalui teks tafsir. Penggunaan aplikasi ini terbukti membantu mempercepatkan pencarian ayat dan memudahkan penyusunan dapatan mengikut tema. Pendekatan tersebut menjadikan penelitian terhadap teks klasik dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan tersusun.

Dapatan menunjukkan bahawa pentafsiran Syeikh Abdul Qadir al-Jailani mempunyai kekuatan tersendiri dalam menjelaskan unsur psikologi Islam dengan gaya rohani yang mendalam. Setiap unsur digambarkan bukan hanya sebagai konsep tasawuf, tetapi sebagai panduan membina ketenangan jiwa, kestabilan emosi dan hubungan langsung hamba dengan Allah. Konsep taubat dipersembahkan sebagai pintu penyucian diri, sabar sebagai kekuatan menghadapi ujian, takut dan harap sebagai keseimbangan rohani, manakala zuhud, syukur, ikhlas dan tawakal pula membentuk asas keyakinan serta kepasrahan hamba kepada Tuhannya. Pentafsiran al-Jailani mengangkat unsur-unsur ini sebagai proses pemulihan jiwa yang realistik, hidup dan boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.

Melalui integrasi teknologi dan sumber klasik, kajian ini membuktikan bahawa Tafsir al-Jailani berpotensi menjadi rujukan utama dalam memahami psikologi Islam dari sudut kerohanian, manakala pencarian digital seperti *Quran for Android* menyokong penyelidikan dengan kaedah yang lebih mudah, cepat dan terarah. Kajian lanjutan boleh diperluas kepada aplikasi praktikal dalam pendidikan rohani, terapi emosi dan bimbingan kerohanian, agar warisan keilmuan Syeikh Abdul Qadir al-Jailani terus dimanfaatkan dalam konteks kehidupan manusia moden. Kajian juga boleh digunakan dengan mencuba uji aplikasi digital yang lain agar kajian dapat dilakukan dengan lebih mudah dan lancar.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kami kepada pihak Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, begitu juga pihak Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya atas sokongan menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga pihak Yayasan Pahang serta Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang terus menyokong perkembangan pendidikan seumpama ini di Negeri Pahang.

Konflik Kepentingan

Penulis mengakui tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

Deklarasi Penulis

Uwies Alqarni bin Hj Abdul Rahman: penulis artikel
Siti Patonah binti Mohamad: penyemak dan pengkaji bahagian psikologi
Mohd. Yaakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff: penyemak dan pengkaji bahagian tafsir
Mohd Syukri bin Zainal Abidin: penyemak dan pengkaji bahagian tasawuf

Rujukan

Al-Ghazali, A. H. (2021). *Minhaj al-'Abidin ila Jannat Rabb al-'Alamin*. Jeddah: Dar al-Minhaj. https://archive.org/details/Minhaj-alabidine.

Al-Jailani, A. Q. (2013). *Tafsir al-Jailani*. Tanggerang: Salima Publika & Markaz al-Jailani. https://staimuttaqien.ac.id/digilib/index.php?p=show_detail&id=1696.

Cucchi, A. (2022). Integrating cognitive behavioural and Islamic principles in psychology and psychotherapy: A narrative review. *Journal of Religion and Health, 61*(6), 4849–4870. https://doi.org/10.1007/s10943-022-01576-8

Fadhilah, N. (2023). *Gangguan kecemasan pada wanita dalam Al-Qur'an* (Kajian tematik). Undergraduate thesis, UIN Prof. K. H. Saifuddin Zuhri Purwokerto. https://repository.uinsaizu.ac.id/20333/.

Hakim, A. R. (2021). *Insecure dalam ilmu psikologi ditinjau dari perspektif Al-Qur'ān*. Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau. https://repository.uin-suska.ac.id/55974/.

Institute for Public Health. (2024). *Lembaran fakta: Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 - Penyakit tidak berjangkit dan permintaan jagaan kesihatan*. Ministry of Health Malaysia. https://iku.gov.my/nhms-2023.

Kabbani, M. H. (2016). *Tafsir al-Jailani: An intellectual analysis*. USA: Islamic Supreme Council of America.

Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lebar, O. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Lings, M. (1993). *A Sufi perspective on the Qur'an*. Cambridge: Islamic Texts Society.

Maedi, M. I. (2018). *Roh dalam al-Qur'an* (telaah penafsiran Syekh Abdul Qadir al-Jilani dalam Tafsir al-Jilani). (Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah). https://www.repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/42205/2/MUHAMMAD%20IMAN%20MAEDI-FU.pdf

Masduqi, I. (2012). Menyoal otentisitas dan epistemologi Tafsir al-Jailani. *Analisa, 19*(1), 8. https://doi.org/10.18784/analisa.v19i1.157.

Nafisah, W. (2023). Self healing dalam perspektif Al-Quran (Kajian tafsir tematik dengan pendekatan psikologi). (Tesis sarjana, Universitas Islam Negeri Antasari). https://idr.uin-antasari.ac.id/24558/.

Pratama, V. S. E., & Rizaldi, M. R. (2024). *Menyikapi perasaan insecure dan overthinking dalam perspektif Al-Quran*. *Al-Wasathiyah: Journal of Islamic Studies, 3*(1), 14–28. https://doi.org/10.56672/alwasathiyah.v3i1.148

Quran for Android. (2023). *Quran for Android* (3.7.3). Aplikasi mudah alih. Google Play Store. Google.com.

Sajidah, N. A., & bt Hussin, H. (2021, December). Perspektif Al-Quran Dalam Menangani Punca Keganasan Rumahtangga Sewaktu Wabak Covid-19. In *Proceeding Antasari International Conference* (Vol. 2, No. 1). https://jurnal.uin-antasari.ac.id/index.php/proceeding/article/view/5837.

Tsani, A., & Agniya, U. (2024). Menenangkan jiwa: Menelusuri jejak kesehatan mental dalam Tafsir Al-Azhar. *At-Tahfidz: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, 5*(2), 243–258. https://doi.org/10.53649/at-tahfidz.v5i2.783.